



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2021

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

3
7
5
6
1

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** diprogramkan.

Kertas soalan ini mengandungi 21 halaman bercetak 1 halaman tidak bercetak.

- 1 Perbualan berikut adalah antara pemilik perniagaan dengan pekerjaanya.



Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi?

- A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Kos manfaat
 - D Usaha berterusan
- 2 Berikut merupakan salah satu organisasi perniagaan yang wujud di Malaysia.

DRB-HICOM

DRB-HICOM Berhad

Pilih ciri organisasi tersebut yang betul.

- A Mempunyai 2-50 pekongsi
- B Menanggung liabiliti tidak terhad
- C Sumber modal adalah daripada terbitan dan jualan syer
- D Pembahagian untung atau rugi mengikut persetujuan ahli

- 3 Urus niaga berikut diperoleh daripada Perniagaan Syafiq.

Mengeluarkan cek berjumlah RM3 000 kepada Perniagaan Muhammad untuk membayar semua hutang dan menerima diskaun RM200.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Berkurang	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
C	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D	Tiada kesan	Berkurang	Berkurang

- 4 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Najmi Enterprise. Tahun kewangannya berakhir pada 30 Jun 2021.

	RM
Akaun Belum Bayar	2 100
Akaun Belum Terima	5 000
Bank (Overdraf)	2 500
Kenderaan	10 000
Tunai	6 000

Berapakah modal akhir?

- A RM16 400
- B RM20 600
- C RM21 400
- D RM25 600

- 5 Jadual berikut merupakan carta akaun yang diwujudkan oleh Arif Enterprise.

Kod item	Jenis Akaun
100 – 199	Aset
200 - 299	Liabiliti
300 - 399	Hasil
400 – 499	Belanja

Pilih nombor kod yang bersesuaian untuk Akaun Susut Nilai Kenderaan.

- A 105
 - B 202
 - C 306
 - D 404
- 6 Maklumat berikut adalah tentang satu dokumen sumber.

- Dikeluarkan untuk merekodkan pembayaran yang dibuat oleh perniagaan dan dilengkapi dengan tandatangan penerima bayaran.
- Disediakan dalam satu salinan untuk kegunaan dalaman sahaja.

Apakah dokumen tersebut?

- A Resit
- B Memo
- C Baucar tunai runcit
- D Baucar pembayaran

7 Manakah antara berikut merupakan dokumen bukan sumber?

- I Invois
- II Nota debit
- III Nota serahan
- IV Pesanan belian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Satu dokumen perniagaan diterima daripada Kedai Alat Tulis Muda Osman. Berikut adalah petikan bahagian butiran dokumen.

Butiran	Jumlah (RM)
25 unit Buku Latihan Prinsip Perakaunan Tingkatan 5 dalam INV2468 bertarikh 10 Mac 2020 yang berharga RM10 seunit terkurang caj RM4 seunit.	100.00
Tolak Diskaun Niaga 10%	10.00
Jumlah	90.00

Apakah buku catatan pertama bagi merekodkan urus niaga tersebut?

- A Jurnal Belian
- B Jurnal Jualan
- C Jurnal Pulangan Belian
- D Jurnal Pulangan Jualan

- 9 Kerani akaun Kedai Perabot Indra menerima cek daripada ketua juruwang sebanyak RM500 untuk memulakan Buku Tunai Runcit pada bulan Januari. Baki panjar runcit pada hujung bulan tersebut sebanyak RM175.

Berapakah nilai rekupmen panjar runcit yang perlu dibuat melalui cek?

- A RM675
- B RM500
- C RM325
- D RM175

- 10 Encik Rozmi menjalankan perniagaan menjual barangan elektrik. Berikut ialah perbualan antara beliau dengan pekerjaanya, Salleh.

Encik Rozmi: Salleh, awak ambil penyaman udara baharu daripada stor penyimpanan inventori dan pasangkannya di pejabat saya.
Salleh : Baiklah Encik Rozmi.

Apakah catatan bergu bagi situasi di atas?

	Debit	Kredit
A	Belian	Kelengkapan
B	Kelengkapan	Belian
C	Ambilan	Kelengkapan
D	Ambilan	Belian

- 11 Petikan perbualan antara Encik Isa yang merupakan pemilik Kedai Pakaian SoNice dan pekerja beliau, Ida.



Apakah butir bagi merekodkan urus niaga tersebut dalam Akaun Kawalan Belum Bayar?

- A Bank
- B Belian
- C Kontra
- D Faedah

- 12 Encik Fatih merupakan pemilik Fateh Enterprise yang menggunakan sistem inventori berkala dalam penilaian inventori.

Manakah antara berikut benar tentang sistem inventori yang diamalkan oleh perniagaan beliau?

- A Pengiraan inventori dijalankan secara manual
- B Merekod pergerakan inventori dalam perniagaan
- C Mengesan barang yang diterima dan dikeluarkan
- D Nilai dan kuantiti inventori sentiasa dikemaskini

13 Maklumat berikut diperolehi daripada buku sebuah perniagaan.

Akaun Faedah Simpanan Tetap					
2020		RM	2020		RM
Dis 31	P	425	Dis 31	Q	425
		<u>425</u>			<u>425</u>

Apakah yang diwakili oleh **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Akaun Untung Rugi	Bank
B	Bank	Akaun Untung Rugi
C	Akaun Perdagangan	Bank
D	Bank	Akaun Perdagangan

14 Berikut adalah ciri- ciri bagi butiran R.

R	Merupakan aset semasa.
	Menambahkan pendapatan perniagaan.

Apakah **R**?

- A Komisen belum terperoleh
- B Sewa belum terima
- C Faedah belum bayar
- D Insurans prabayar

15 Catatan bergu manakah yang betul bagi merekodkan pengurangan peruntukan hutang ragu?

	Debit	Kredit
A	Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu	Peruntukan Hutang Ragu
B	Peruntukan Hutang Ragu	Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu
C	Peruntukan Hutang Ragu	Akaun Belum Terima
D	Akaun Belum Terima	Peruntukan Hutang Ragu

16 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Koperasi MRSM Felda Berhad.

Aset Bukan Semasa	Mesin Fotostat
Kos	RM7 000
Tarikh dibeli	1 Januari 2019
Kadar susut nilai	10 % setahun
Nilai buku pada 31 Disember 2020	RM5 600

Apakah kaedah pengiraan susut nilai yang diamalkan oleh koperasi tersebut?

- A Garis lurus
- B Ansuran tetap
- C Penilaian semula
- D Baki berkurangan

17 Maklumat yang berikut dipetik daripada buku Kedai Rasa Sayang pada 31 Disember 2020.

Akaun Kenderaan		
2020		RM
Jan 1	Baki b/b	75 000

Polisi susut nilai pada kadar 20% setahun atas kos. Kenderaan yang dibeli pada 1 Julai 2018 ini telah dijual pada 31 Disember 2020 dengan untung atas pelupusan sebanyak RM6 000.

Berapakah harga jualan kenderaan tersebut?

- A RM24 000
- B RM31 500
- C RM36 000
- D RM43 500

18 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Mala.

Belian tunai RM860 tersilap rekod sebagai RM806

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan amaun
- B Kesilapan prinsip
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan saling mengimbangi

19 Apakah tujuan analisis penyata kewangan?

- A Merancang mengawal masa depan perniagaan
- B Mengetahui kekuatan dan kelemahan perniagaan
- C Membuat keputusan mengikut matlamat perniagaan demi memaksimumkan keuntungan
- D Membantu pihak pengurusan menilai prestasi perniagaan dan seterusnya membuat keputusan kewangan perniagaan

20 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Perabot Ahnaf dan Kedai Perabot Addin.

Nisbah	Kedai Perabot Ahnaf	Kedai Perabot Addin	Tafsiran
S	3.85 : 1	2.98 : 1	Keupayaan Kedai Perabot Ahnaf membayar hutang jangka pendek dengan segera berbanding Kedai Perabot Addin.

Apakah S?

- A Nisbah Semasa
- B Nisbah Ujian Asid
- C Tempoh Kutipan Hutang
- D Tempoh Pembayaran Hutang

21 Apakah rekod minimum yang perlu disimpan oleh peniaga dalam kaedah perbandingan Rekod Tak Lengkap?

- I Aset awal tahun dan akhir tahun
- II Liabiliti awal tahun dan akhir tahun
- III Aset Semasa awal tahun dan akhir tahun
- IV Liabiliti Semasa awal tahun dan akhir tahun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Encik Safiy, pemilik Kedai Buku Maju tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Januari 2021.

	RM
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Februari 2020	4 120
Diskaun Diberi	230
Pulangan Masuk	310
Hutang Lapuk	190
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	6 052
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Februari 2021	2 420
Jualan tunai	2 021

Berapakah jumlah jualan?

- A RM10 503
- B RM7 103
- C RM6 461
- D RM3 061

- 23 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Laura yang tidak menyimpan rekodnya dengan lengkap.

	1 Mac 2020	28 Februari 2021
	RM	RM
Faedah atas pinjaman belum bayar	500	300

Faedah atas pinjaman RM2 400 telah dibayar sepanjang tempoh perakaunan.

Berapakah faedah atas pinjaman dalam akaun untung rugi?

- A RM1 600
- B RM2 200
- C RM2 600
- D RM3 200

- 24 Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diperoleh daripada Kedai Pancing Ferry Tackle pada 30 Jun 2021.

Buku Tunai (ruangan bank)			
	2020		RM
	Jun 15	Samad Trading	2 000

Penyata Bank					
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2021					
Jun 18	Deposit			2 000	

Cek yang diterima daripada Samad Trading telah tersilap catat di dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dilakukan di dalam Buku Tunai untuk membetulkan kesilapan tersebut?

- A Debit RM2 000
- B Debit RM4 000
- C Kredit RM2 000
- D Kredit RM4 000

25 Penyata Bank Safri Mart pada 28 Februari 2021 berbaki kredit RM2 400. Baki ini berbeza dengan baki Buku Tunai disebabkan perkara berikut:

- i Cek yang diterima daripada pelanggan berjumlah RM800 telah dipulangkan dengan nota 'rujuk penyuruh bayar'
- ii Pindahan kredit bernilai RM1200 diterima pada 18 Febuari 2021.

Berapakah baki akhir Buku Tunai?

- A RM4 400
- B RM2 800
- C RM2 000
- D RM400

26 Bagaimanakah lebihan dalam Belanjawan Tunai diperoleh?

- A Pembayaran melebihi penerimaan
- B Penerimaan melebihi pembayaran
- C Penerimaan sebenar melebihi pembayaran sebenar
- D Pembayaran sebenar melebihi penerimaan sebenar

27 Manakah antara berikut merupakan komponen ekuiti pemilik bagi sesebuah perniagaan perkongsian?

- A Dana terkumpul
- B Modal diterbitkan
- C Akaun Modal dan Akaun Semasa
- D Modal, untung bersih, dan ambilan

28 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Pablo dan Daniel pada 31 Disember 2020.

	RM
Untung bersih	8 000
Gaji Daniel	1 600
Faedah atas ambilan	800
Nisbah pembahagian untung rugi adalah 3:2	

Berapakah kongsi untung yang diterima oleh pekongsi?

	Pablo	Daniel
A	RM6 240	RM4 160
B	RM5 280	RM3 520
C	RM4 320	RM2 880
D	RM3 360	RM2 240

29 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian AMD pada 31 Disember 2020.

Pekongsi Aiman dan Masri masing-masing menerima gaji RM1 000 sebulan, manakala pekongsi Darwis menerima gaji sebanyak RM4 500 setiap suku tahun.

Berapakah jumlah gaji pekongsi dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A RM16 500
- B RM28 500
- C RM30 000
- D RM42 000

30 Pilih susunan tatacara pembubaran perkongsian mengikut aturan yang betul.

- I Pembayaran oleh perkongsian kepada pekongsi atau sebaliknya mengikut baki Akaun Modal dan Akaun Semasa
- II Semua akaun aset mestilah ditutup kecuali Akaun Bank dan Akaun Tunai
- III Membatalkan nama perkongsian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- IV Semua tanggungan liabiliti perkongsian mestilah dijelaskan sepenuhnya

- A IV, I, II dan III
- B II, IV, I dan III
- C II, III, IV dan I
- D IV, II, III dan I

31 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Seri Ayu Bhd pada 31 Disember 2020.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh	RM
1 500 000 unit Syer Biasa	750 000
425 000 unit 6% Syer Keutamaan	637 500

Berapakah harga seunit bagi setiap syer?

	Syer Biasa	6% Syer Keutamaan
A	RM2.00	RM0.67
B	RM1.50	RM0.50
C	RM0.50	RM1.50
D	RM0.67	RM2.00

- 32 Syarikat Royal Ball Berhad telah menerbitkan 800 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 100 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer pada 3 Januari 2020. Pada 15 Oktober 2020, terbitan kedua 500 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.50 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan berbayar penuh. Tahun kewangan syarikat itu berakhir pada 31 Disember 2020.

Manakah catatan yang tepat bagi komponen Ekuiti pemilik?

A Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

Ekuiti Pemilik	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
5% Syer Keutamaan	1 600 000
6% Syer Keutamaan	750 000
Syer Biasa	100 000
	<u>2 450 000</u>

B Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

Ekuiti Pemilik	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
Syer Keutamaan	2 350 000
Syer Biasa	100 000
	<u>2 450 000</u>

C Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

Ekuiti Pemilik	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
800 000 unit 5% Syer Keutamaan	1 600 000
500 000 unit 6% Syer Keutamaan	750 000
100 000 unit Syer Biasa	100 000
	<u>2 450 000</u>

D Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

Ekuiti Pemilik	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
1 300 000 unit Syer Keutamaan	2 350 000
100 000 unit Syer Biasa	100 000
	<u>2 450 000</u>

33 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Mulia Berhad.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh	RM
2 000 000 unit 4% Syer Keutamaan	4 000 000
7 000 000 unit Syer Biasa	350 000

Ahli Lembaga Pengarah syarikat telah bersetuju untuk membayar dividen interim bagi 6 bulan pertama untuk Syer Keutamaan dan Syer Biasa sebanyak 10%.

Berapakah jumlah dividen interim?

- A RM115 000
- B RM150 000
- C RM195 000
- D RM230 000

34 Manakah yang betul tentang matlamat utama penubuhan kelab dan persatuan?

- I Menjana keuntungan untuk kelab dan persatuan
- II memaksimumkan kebajikan ahli kelab dan persatuan
- III Mengadakan aktiviti kebajikan dan rekreasi kepada ahli kelab
- IV Menjaga kebajikan ahli dan masyarakat sekitar kelab dan persatuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Maklumat berikut diambil daripada buku Kelab Dekorasi Laman.

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Upah pekerja belum bayar	200	150

Sepanjang tahun 2020, kelab telah mengupah 2 orang pekerja pembersihan yang dibayar RM300 seorang setiap bulan.

Manakah catatan yang betul?

A

Akaun Upah Pekerja			
2020	RM	2020	RM
Jan 1 Upah Belum Bayar	200	Dis 31 Bank	650
Dis 31 Pendapatan & perbelanjaan	600	Upah Belum Bayar	150

B

Akaun Upah Pekerja			
2020	RM	2020	RM
Dis 31 Bank	650	Jan 1 Upah Belum Bayar	200
Upah Belum Bayar	150	Dis 31 Pendapatan & perbelanjaan	600

C

Akaun Upah Pekerja			
2020	RM	2020	RM
Jan 1 Upah Belum Bayar	150	Dis 31 Bank	7 200
Dis 31 Pendapatan & perbelanjaan	7 250	Upah Belum Bayar	200

D

Akaun Upah Pekerja			
2020	RM	2020	RM
Dis 31 Bank	7 250	Jan 1 Upah Belum Bayar	200
Upah Belum Bayar	150	Dis 31 Pendapatan & perbelanjaan	7 200

36 Maklumat berikut diambil daripada Kelab Memanah Taman Satelit.

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran
bagi tahun berakhir 31 Disember 2020**

	RM	RM
Yuran 2019	250	
Yuran 2020	4 000	
Yuran 2021	500	

Maklumat tambahan:

Yuran belum terima pada 31 Disember 2020 ialah RM1 000.

Berapakah nilai yuran ahli yang akan direkodkan ke dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2020?

- A RM3 750
- B RM4 000
- C RM4 750
- D RM5 000

37 Berikut adalah kos-kos yang terlibat dalam sebuah kilang pakaian.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Penyelenggaraan mesin • Gaji penyelia stor • Minyak pelincir |
|--|

Apakah komponen bagi kos tersebut?

- A Kos pengeluaran
- B Kos langsung
- C Kos overhead
- D Kos prima

38 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan sebuah kilang kerepek di Sungai Besar pada 31 Disember 2020.

	RM
Alatan kilang	70 000
Insurans kilang	3 800
Gaji operator kilang	7 300
Sewa kilang	4 000
Kadar bayaran kilang	1 490

Maklumat tambahan:

- i. Susut nilai alatan kilang 15% setahun atas kos.
- ii. Kadar bayaran kilang belum bayar RM480.

Berapakah kos overhead?

- A RM19 790
- B RM20 270
- C RM27 090
- D RM27 570

39 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Biskut Suria.

	RM
Kos Tetap	100 000
Kos Berubah Seunit	10.00
Harga Jualan Seunit	15.00
Jumlah jualan sebanyak 150 000 unit	

Berapakah Titik Pulang Modal?

- A RM20 000
- B RM100 000
- C RM200 000
- D RM300 000

40 Gerai Ninja Burger menjual burger dengan harga RM5.00 sebiji. Kos yang terlibat adalah seperti berikut:

	RM
Roti	0.40 sebiji
Bahan-bahan lain	2.60 sebiji
Sewaan peralatan	30.00
Sewaan tapak gerai	150.00

Berapakah bilangan burger yang perlu dijual jika sasaran keuntungan RM2 500?

- A 464 biji
- B 536 biji
- C 1 160 biji
- D 1 340 biji

KERTAS SOALAN TAMAT